



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA RISDA 2004

OLEH:
Y.B SENATOR DATO' HJ ABDUL RAMAN SULIMAN
PENGERUSI RISDA

TEMPAT:
AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH

TARIKH & MASA:
6 DISEMBER 2004

MASA:
8.30 PAGI

1. SALUTATION:

- YANG BERUSAHA PENGERUSI MAJLIS

- Y.B DATO' SRI ABDUL AZIZ SHAMSUDDIN
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

- Y.B DATO' DR AWENG ADEK HUSSIN
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH

- Y.B DATO' DR TIKI LAFE
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH

- **Y.BHG DATO' DR MOHD TAP SALLEH**
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR
BANDAR DAN WILAYAH

- **AHLI-AHLI PIHAK BERKUASA RISDA**

- **Y.BHG DATO' HJ ABD. RAHMAN HJ ALI**
KETUA PENGARAH RISDA

- **Y.BHG DATO' ZAINAL KARIB ABD RAHIM**
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (SOSIAL) KEMENTERIAN
KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

- **Y.BHG CIK KAMARIAH RAMLI**
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (EKONOMI) KEMENTERIAN
KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

- **KETUA-KETUA AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN**
KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

- **Y.BHG TN HJ MAHDUN MAJED**
TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA (PENTAD. & KORPORAT)

- **Y.BHG TN HJ ZULKIFLI MOHD NAZIM**
TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA (OPERASI)

- **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN KEMAJUAN**
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

- **PENGARAH – PENGARAH BAHAGIAN DAN NEGERI RISDA**
- **PENGURUS-PENGURUS BESAR ANAK SYARIKAT RISDA**
- **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.**

ASSALAMUALAIKUM W.B.T

- 2). PERTAMA SEKALI, ELOKLAH KIRANYA KITA MEMANJANGKAN KESYUKURAN KEHADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA TELAH MEMBERIKAN KEIZINAN KEPADA KITA UNTUK BERSAMA-SAMA BERKUMPUL PADA PAGI YANG BERBAHAGIA INI

UNTUK MERAIKAN MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA
AIDILFITRI RISDA 2004.

- 3). BERSEMPENA DENGAN MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA
AIDILFITRI RISDA 2004 YANG BERSAMAAN DENGAN **23**
SYAWAL 1425H HARI INI, SAYA MEWAKILI SELURUH
PIHAK PENGURUSAN RISDA INGIN **MENGUCAPKAN**
SELAMAT HARI RAYA AIDILFIRI KEPADA DATO' SRI DAN
DATIN SRI, DATO'-DATO' DAN DATIN-DATIN SERTA TUAN-
TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

- 4). SETERUSNYA, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN DISINI UNTUK MENGUCAPKAN **JUTAAN TERIMA KASIH** KEPADA **Y.B DATO' SRI ABDUL AZIZ SHAMSUDDIN**, MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH KERANA SUDI MENGHADIRKAN DIRI KE MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI RISDA 2004 INI WALAUPUN DATO' SRI AMAT SIBUK DENGAN PELBAGAI TUGAS RASMI.

- 5). DIKESEMPATAN INI JUGA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN **RIBUAN TERIMA KASIH** KEPADA **Y.B DATO' DR AWENG**

ADEK HUSSIN, TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH I SERTA **Y.B DATO' DR TIKI LAFE**, TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH II KERANA TURUT SUDI UNTUK HADIR PADA PAGI INI.

- 6). SAYA JUGA INGIN MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN **Y.BHG DATO' DR MOHD TAP SALLEH**, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH SERTA **Y.BHG DATO' ZAINAL KARIB ABD RAHIM**, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (SOSIAL)

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
DAN **Y.BHG CIK KAMARIAH RAMLI**, TIMBALAN KETUA
SETIAUSAHA (EKONOMI) KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR
BANDAR DAN WILAYAH.

***DATO' SRI & DATIN SRI, DATO'-DATO' & DATIN-DATIN,
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.***

- 7). MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI RISDA 2004 INI
ADALAH MERUPAKAN KESINAMBUNGAN KEPADA ACARA
TAHUNAN RISDA YANG TELAH MENJADI AGENDA TETAP
BAGI MEWARNAI AKTIVITI RISDA. NAMUN YANG MENJADI

KELAINAN PADA TAHUN INI ADALAH **KEHADIRAN YANG PERTAMA KALI** OLEH Y.B DATO' SRI ABDUL AZIZ SHAMSUDDIN SELAKU MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH KE MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI RISDA.

- 8). SELAIN DARIPADA ITU, TURUT MEMBERI KELAINAN PADA TAHUN INI ADALAH JUGA KERANA **KEHADIRAN SULUNG** TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI SERTA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH KE SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

RISDA KERANA MASING –MASING BARU SAHAJA MENGISI JAWATAN TERSEBUT PADA TAHUN INI.

- 9). MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI RISDA 2004 INI DIADAKAN ADALAH BERTUJUAN UNTUK **MENYERU SERUAN AGAMA** YANG MENUNTUT UMATNYA UNTUK MERAYAKAN HARI KEMENANGAN UMAT ISLAM DENGAN MERIAHYA DI RISDA INI.
- 10). SELAIN DARIPADA ITU, MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI RISDA 2004 INI JUGA DIADAKAN UNTUK

MENGERATKAN IKATAN SILATURRAHIM SAMADA DIKALANGAN SESAMA WARGA RISDA SERTA ANAK SYARIKAT RISDA MALAH JUGA DENGAN PELBAGAI PIHAK TERUTAMANYA DENGAN PIHAK KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH SERTA AGENSI DIBAWAHNYA.

- 11). **RISDA JUGA MERENCANAKAN MAJLIS SEUMPAMA INI BAGI MENGUATKAN LAGI PEMAHAMAN PIHAK LUAR TERHADAP RISDA SAMADA DARI SEGI PENTADBIRAN MAHUPUN PERLAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN**

YANG TELAH DIJALANKAN DAN YANG AKAN DIJALANKAN KELAK.

DATO' SRI & DATIN SRI, DATO'-DATO' & DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.

- 12). BERSEMPENA PADA TAHUN 2004 INI RISDA TELAH BERUSAHA DENGAN GIGIH BAGI MEMBANTU KUMPULAN SASAR IAITU MASYARAKAT PEKEBUN KECIL UNTUK MENINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN MEREKA. RISDA JUGA TURUT MEMBANTU MASYARAKAT PEKEBUN KECIL MELALUI BENTUK IMBUHAN BERBENTUK WANG. INI

ADALAH BERTUJUAN BAGI MEMBANTU KUMPULAN SASAR UNTUK MENAMPUNG KEHIDUPAN MEREKA YANG DIIBARATKAN “**KAIS PAGI MAKAN PAGI, KAIS PETANG MAKAN PETANG**”.

- 13). SEHUBUNGAN DENGAN ITU, RISDA TELAH MEMPERUNTUKKAN DIVIDEN **SEJUMLAH RM 45.2 JUTA** UNTUK DIAGIHKAN KEPADA MASYARAKAT PEKEBUN KECIL PADA TAHUN 2004 INI BAGI MEMBANTU MERINGANKAN BEBANAN HIDUP MEREKA MALAHAN

BOLEH MEMBANTU PERSIAPAN MERAYAKAN HARI RAYA
AIDILFITRI BAGI TAHUN 2004 INI.

- 14). SELAIN DARIPADA ITU, RISDA JUGA TELAH MENGADAKAN
PELBAGAI PROGRAM UNTUK MASYARAKAT PEKEBUN
KECIL MENJELANG BULAN RAMADAN BAGI MENGISI
RUANG UNTUK UMAT ISLAM TERUTAMANYA
MASYARAKAT PEKEBUN KECIL MENYAMBUT HARI RAYA
AIDILFITRI. INI BOLEH DILIHAT MELALUI MAJLIS
PENYAMPAIAN DIVIDEN KEPADA PEKEBUN KECIL SERTA

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA MASYARAKAT
PEKEBUN KECIL YANG TELAH DIADAKAN SELAMA INI.

- 15). ADALAH MENJADI HARAPAN RISDA UNTUK MEMBANTU MASYARAKAT PEKEBUN KECIL BUKAN SAHAJA UNTUK MENINGKATKAN TARAF SOSIO-EKONOMI MEREKA MALAH JUGA SENTIASA BERUSAHA BAGI MENINGKATKAN TARAF PENDIDIKAN, PENGETAHUAN SERTA KEMAHIRAN BAGI PEKEBUN KECIL SERTA ANAK-ANAK MEREKA DI MASA HADAPAN.

- 16). MATLAMAT RISDA UNTUK MELIHAT GENERASI MUDA MASYARAKAT PEKEBUN KECIL MENGUASAI BIDANG ILMU DAN KEMAHIRAN KIAN TERCAPI APABILA MENDAPATI SERAMAI LEBIH KURANG **756 ORANG PELAJAR KOLEJ RISDA** YANG RATA-RATANYA ADALAH ANAK KEPADA PEKEBUN KECIL AKAN MENERIMA SIJIL DAN DIPLOMANYA PADA ESOK HARI BERSEMPENA DENGAN MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ RISDA 2004 BUAT KALI YANG KE-3.

17). JUSTERU ITU, SAYA MENYERU KEPADA SELURUH WARGA RISDA SERTA MASYARAKAT MALAYSIA AGAR KITA SAMA-SAMA BERUSAHA UNTUK MEMAJUKAN NEGARA SERTA MEMBANTU GOLONGAN YANG KURANG BERNASIB BAIK TERUTAMANYA MASYARAKAT DI LUAR BANDAR SUPAYA NEGARA KITA DAPAT MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN YANG MENJADI AGENDA UTAMA NEGARA KITA.

18). AKHIR SEKALI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA DATO' SRI SERTA DATIN, DATO'-DATO' & DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN KERANA SUDI MELUANGKAN MASA PADA PAGI INI UNTUK MEMERIAHKAN LAGI SUASANA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI RISDA 2004. UNTUK ITU SAYA SUDAH MAJLIS INI DENGAN **WABILLAH TAUFIK WAL-HIDAYAH WASALLAMUALAIKUM W.B.T**

